



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 08/10

KEMENTERIAN PERTAHANAN TERUS BERI PERHATIAN KEPADA VETERAN ATM

1. **MIRI, 31 Oktober 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah menyantuni veteran ATM yang berada di **sekitar Daerah Miri, Sarawak** semasa Program Peduli Veteran Madani (PVM) bermula dari **30 hingga 31 Oktober 2024**.
2. Sepanjang berlangsung, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyantuni **21 orang veteran ATM** yang sedang uzur dan sakit kronik. Daripada jumlah tersebut **seramai 5 orang adalah balu, seorang isteri kepada veteran dan dua orang anak kepada veteran** manakala daripada jumlah 13 orang veteran tersebut **seorang daripadanya adalah penerima pingat Panglima Gagah Berani (PGB)** iaitu **veteran ATM Sarjan James Mering Iman** dari **Rejimen Renjer Diraja (RRD)**. PGB adalah merupakan pangkat yang kedua antara lima pangkat dalam darjah-darjah Gagah Perkasa dan ia dikurniakan kepada penerima atas pengorbanan dan jasa serta menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa ketika berhadapan dengan musuh.
3. Timbalan Menteri Pertahanan turut menyerahkan sumbangan berupa barang keperluan seperti bakul makanan, susu kesihatan, lampin pakai buang dan peralatan kesihatan kepada setiap veteran dan keluarga yang diziarahi. Selain daripada itu, Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan **200 Bakul Rahmah** kepada persatuan-persatuan veteran setempat untuk diagihkan kepada veteran asnaf. **Daerah Miri** mempunyai seramai **10,218 veteran ATM yang berpencen** dan **4,964 veteran ATM yang tidak berpencen** manakala **1,591 orang veteran ATM adalah penerima pencen terbitan**. Jumlah tersebut merangkumi **16,773 orang veteran ATM bagi keseluruhan Daerah Miri**.
4. **Program Peduli Veteran Madani (PVM)** adalah merupakan inisiatif yang mencerminkan Kementerian Pertahanan sebagai organisasi yang sentiasa peduli dan cakna terhadap kebajikan dan kesejahteraan veteran ATM. Siri jelajah PVM telah dilaksanakan bermula dari Februari tahun 2024 secara berterusan. Antara kawasan veteran yang telah disantuni oleh Timbalan Menteri Pertahanan sepanjang tahun ini adalah Pulau Langkawi, Muar, Mersing, Kota Kinabalu, Tawau, Semporna, Sandakan, Kuching, Sibu, Sri Aman dan Cameron Highland.
5. Keseluruhannya, **PVM 2024 telah melibatkan seramai 205 veteran ATM dari seluruh Malaysia, yang mana penganjuran PVM di daerah Miri adalah merupakan siri ke-11 yang merupakan siri terakhir bagi tahun 2024**.

6. Mendukung Teras ke-6 Dasar Madani iaitu 'Ihsan', Kerajaan komited meningkatkan peruntukan JHEV ATM dari RM118 juta kepada RM244 juta pada tahun 2024. Peningkatan yang begitu ketara ini mampu memberi manfaat yang lebih luas kepada Veteran ATM. Justeru, **veteran ATM disarankan untuk mendaftar dan mengemaskini maklumat peribadi dengan JHEV ATM serta persatuan-persatuan di lokaliti masing-masing** bagi memastikan semua Skim Bantuan yang disediakan oleh JHEV ATM seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam dapat disalurkan kepada veteran ATM yang berkelayakan secara teratur dan efektif.
7. Pada tahun ini, kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan **Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 Juta**. Sehingga 30 September 2024, seramai **30,607 veteran ATM** telah menerima faedah ini.
8. Inisiatif PVM bertindak sebagai medan untuk interaksi secara dua hala antara Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM melibatkan **5 fokus utama iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan, dan pemerkasaan ekonomi veteran ATM**. PVM akan terus menjadi platform Kementerian untuk menyampaikan sumbangan kebajikan dan insentif keusahawanan kepada Veteran ATM yang memerlukan sebagai galakan untuk memperkasakan sosioekonomi mereka.
9. **Menyokong inisiatif Pelan Strategik MINDEF 2021-2025: Teras 7 – Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM**, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PVM menerusi kerjasama dengan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi-agensi yang berkaitan melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima segala manfaat yang disediakan.
10. Program PVM Miri pada kali ini turut diiringi Timbalan Ketua Pengarah JHEV; Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sarawak; Mejar Steven Anak Kadir serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM Miri, Sarawak.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 31 Oktober 2024**